



**KENYATAAN RASMI
PRESIDEN MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA**

PENGUNAAN GELARAN “DR.”

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) ingin menjelaskan isu berkaitan penggunaan gelaran “Dr.” oleh individu yang telah menamatkan pengajian perubatan tetapi tidak berdaftar sebagai seorang pengamal perubatan dengan MPM. Untuk makluman, graduan perubatan daripada suatu program ijazah perubatan boleh menggunakan gelaran akademik “Dr.” sebagai tanda kelayakan akademik mereka.

MPM juga ingin menarik perhatian bahawa gelaran “Dr.” tersebut juga bukan eksklusif kepada pengamal perubatan sahaja. Gelaran ini turut digunakan oleh doktor pergigian, doktor veterinar serta pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam pelbagai bidang akademik.

Walau bagaimanapun, penggunaan gelaran tersebut tidak memberi hak kepada individu tersebut untuk mengamalkan sebagai seorang pengamal perubatan di Malaysia. Kebenaran untuk mengamalkan perubatan adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap Akta Perubatan 1971 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.

Bagi graduan perubatan yang memperoleh kelayakan daripada program perubatan yang tidak tersenarai dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971, pertimbangan bagi tujuan pendaftaran untuk menjalankan amalan perubatan adalah tertakluk kepada keperluan yang ditetapkan di bawah peruntukan undang-undang yang berkenaan, termasuk lulus peperiksaan yang ditetapkan serta menjalani latihan siswazah di hospital latihan siswazah yang diiktiraf di Malaysia.

Sebagai prinsip umum, semua individu yang ingin mengamalkan perubatan di Malaysia hendaklah berdaftar dengan MPM dan memegang sijil Perakuan Amalan Tahunan (PAT) yang sah sebelum menjalankan sebarang bentuk amalan perubatan.

Orang awam digalakkan untuk membuat semakan status pendaftaran mana-mana pengamal perubatan melalui *Medical Register Information and Technical System* (MeRITS) di <https://merits.mmc.gov.my/>. Sebarang keraguan atau aduan berkaitan kemungkinan penyamaran atau salah guna gelaran boleh disalurkan kepada admin.mmc@moh.gov.my.

MPM komited untuk melindungi keselamatan pesakit dan memastikan masyarakat menerima perkhidmatan kesihatan hanya daripada pengamal perubatan yang benar-benar layak dan berdaftar.

PRESIDEN

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

23 Disember 2025